



# KOPI PAHIT

Penulis halaman ini mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidilfitri

pada sekalian

## IKHWĀNUL MUSLIMĪN

(Sambungan daripada muka 38)

Tidak juga ketinggalan tuan pengarang itu menghuraikan erti “Melayu” dan dari mana asal terbitnya, lihat muka 70:

Melayu s- bukit , gunung ertinya “lari” yang

biasa ditengkar-tengkarkan oleh orang awam itu keliru sekali dengan sebab mereka tidak diketahui asal-usul dan punca, di tanah Hindustan ada sebuah gunung namanya Himalaya, sanya Malaya itu tetaplah ertinya gunung ahli-ahli yang faham rumpun bahasa, perkataan Melayu itu daripada Malaya itulah terbitnya apatah lagi jika disusun pokok-pokok bahasa Melayukita kebanyakannya sama dengan bahasa anak Champa di negeri Anam, dengan bahasa Pego dinegeri Burma. Istimewa pula dengan bahasa orang Khasi (kasi) yang berketurunan di negeri Asam bahawa negeri-negeri yang tersebut itu bertali mali belaka dengan gunung Himalaya demikian jua ceritera yang dihikayatkan sejarah Melayu: “yang” sepurba (nila utama) yang

merajai Temasik itupun datangnya dari

“bukit” (bukit sekontang). Di balik negeri

Perak, ada sebuah gunung namanya Pasu Malai

maknanya Gunung Lembu, Wallāhu‘alam.”

Terlanjur menulis dari hala kamus teringatlah

kita dari hal kamus “Lembaga bahasa Melayu” yang berpusat

di Singapura. Bila terbitnya dapatkah kiranya

cikgu Buyung ‘Adil ketua badan penerangan memberi

sedikit penerangan?

Soal menyusun sebuah kamus Melayu yang lengkap memang

selalu kedengaran sahut menyahut tersiar beritanya di dalam

akhbar. Tuan Za‘ba pernah diberitakan sedang menyusun sebuah

kamus Melayu yang lengkap lebih besar daripada segala kamus

Melayu yang ada. Baharu-baharu ini pula tersiar berita bahawa

“Kepegemas” telah memberi tugas kepada badan persuratan

menyusun sebuah kamus Melayu yang lengkap. Dan sentiasa

kedengaran pada hal masyarakat sedang menanti hasilnya.

-Seri Lanang